

# Bekas CEO Goldman bincang peluang kerja 3 anak Najib

Saksi utama dakwa wujud agenda dalam pertemuan bekas PM, Blankfein

**New York:** Saksi utama perbicaraan kes bekas pegawai bank Goldman Sachs, Roger Ng, mendakwa wujud agenda dalam pertemuan antara bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat itu, Lloyd Blankfein dengan Datuk Seri Najib Razak.

Tim Leissner, 52, memberitahu juri bahawa Goldman Sachs perlu memastikan peluang pekerjaan bagi tiga anak bekas Perdana Menteri itu di bank berkenaan

sebagai balasan kepada tawaran perniagaan yang lumayan.

Dalam keterangan pada hari keduanya, Leissner memaklumkan bahawa pada 2009, Ng memberitahunya Najib akan datang ke New York untuk melawat anak-anaknya di Amerika Syarikat (AS) sempena cuti hari kesyukuran.

Ketika itu, Low Taek Jho atau lebih dikenali Jho Low, berpendapat ia adalah peluang yang baik bagi Blankfein dan Najib bertemu berhubung promosi urusan niaga bon.

Dia kemudian memberitahu, Ng memaklumkan Najib mahu anaknya bekerja di Goldman selepas pertemuan dengan Jho Low.

Menurut Leissner lagi, Ng, yang pergi ke New York kemu-

dian, memaklumkan dia sudah bertemu dengan anak Najib sendiri.

Tambah Leissner, dia membantu anak perempuan Najib mendapatkan kerja di syarikat pelaburan AS, TPG.

Ditanya pendakwa raya, Drew Rolle, mengenai hubungannya, termasuk bersama bekas Ketua Pegawai Eksekutif Astro Malaysia Holdings Bhd, Datuk Rohana Rozhan, Leissner berkata, hubungan itu berlanjutan dari 2003 hingga 2013.

Rolle turut bertanya sama ada Leissner memberi Rohana sejumlah wang yang diterimanya daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Leissner berkata, dia ada membeli

sebuah kediaman bernilai AS\$10 juta (RM41.9 juta) di London.

Katanya, pembelian itu dibuat pada 2013 selepas wanita berkenaan mengugut mahu mendedahkan pembabitannya dalam skandal 1MDB.

"Rozhan tidak gembira dengan keputusan saya menamatkan hubungan kami bagi membolehkan saya bersama dengan bakal isteri, Kimora," katanya merujuk kepada isterinya, Kimora Lee Simmons, yang juga bekas model antarabangsa.

Ng sebelum ini mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan bersubahat dalam pengubahan wang haram dan melanggar undang-undang antirasuah membatikan 1MDB.

Pada 2018, Leissner, 52, mengaku bersalah atas tuduhan sama dan bersetuju untuk bekerjasama membantu siasatan kerajaan. AGENSI



Tim Leissner